

# Kepentingan makanan laut tidak boleh diabaikan

Oleh S.CONNIE  
PEARL SUIL

**KOTAKINABALU:** Profesor Institut Penyelidikan Marin Borneo Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Dr Saleem Mustafa berkata kepentingan makanan laut dalam ekonomi dan sekuriti makanan global tidak boleh diabaikan.

Menurutnya, sektor perikanan yang meliputi tangkapan dan akuakultur adalah melibatkan 154 juta tan metrik ikan setiap tahun dengan nilai AS\$217.5 bilion.

Manakala sumbangan dari industri akuakultur kepada pengeluaran terbabit adalah melibatkan sebanyak 90.4 juta tan metrik yang bernilai AS\$144.4 bilion.

“Berbilion manusia bergantung kepada pelbagai jenis makanan laut sebagai sumber diet protein.

“Namun begitu,

“Berbilion manusia bergantung kepada pelbagai jenis makanan laut sebagai sumber diet protein. Namun begitu, pembangunan kedua-dua sektor semakin tercabar dengan masalah alam sekitar oleh itu pengurusan adaptif diperlukan untuk menjamin kelestariannya.”

## PROF DR SALEEM MUSTAFA

Profesor Institut Penyelidikan Marin Borneo Universiti Malaysia Sabah (UMS)

pembangunan kedua-dua sektor semakin tercabar dengan masalah alam sekitar oleh itu pengurusan adaptif diperlukan untuk menjamin kelestariannya,” katanya ketika menyampaikan syarahan perdana ‘*The Ecological Paradigm in Seafood Security*’, di Auditorium Pascasiswazah UMS kelmarin.

Untuk itu katanya, adalah perlu campur tangan dalam hal pemuliharaan serta langkah mengurangkan kesan perubahan kesan perubahan iklim bagi mengekalkan keupayaan ekosistem marin

berkenaan dalam penangkapan ikan.

“Begitu juga dengan adanya pendekatan baharu serta penyesuaian teknologi, ini akan menyumbang kepada kelestarian akuakultur,” katanya.

Saleem berkata, isu itu seharusnya mendapat perhatian serius kerana dari segi aspek pemakanan manusia, peranan sektor laut berkembang dengan pantas.

Dalam pada itu, menerusi buku yang turut diterbitkannya, beliau turut mengupas kajian tiga sistem pengeluaran makanan

laut iaitu penangkapan ikan, akuakultur dan juga perladangan laut.

Turut diterangkan ialah konsistensi pendekatan dengan konsep ‘triple bottom line’ dalam visi pembangunan selain fokus terhadap pengeluaran makanan laut tanpa mengaitkan dengan hemostatis alam sekitar.

Hadir pada majlis itu ialah Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof Dr Sharil Yusof dan tetamu kehormat yang lain.



**SALEEM (kanan)** menyampaikan bukunya berjudul ‘*The Ecological Paradigm in Seafood Security*’ kepada Harun.